

# Sesi 7: Penubuhan Kumpulan Advokasi

Sebahagian daripada presentasi ini  
dihasilkan oleh Cik Yoshie Dan  
(JOCV)



**Persatuan Advokasi Diri**  
Orang Bermasalah Pembelajaran  
Selangor & Kuala Lumpur

**Apakah kepentingan  
kumpulan advokasi diri?**

# Kepentingan Kumpulan Advokasi Diri

- Sokongan rakan sebaya untuk mempelajari kemahiran advokasi diri.



- Aktiviti pergaulan. Pelatih boleh belajar bersosial dengan pelatih lain dalam aktiviti kumpulan advokasi diri.



Kumpulan Nur Kasih di PDK Peringat bermesyuarat.

- Kumpulan advokasi diri boleh bersatu padu untuk bersuara secara jelas supaya hak dan keperluan mereka dipelihara.



Kumpulan Nur Kasih dari PDK Peringat, Kelantan

# **Objektif Penubuhan Kumpulan Advokasi Diri di PDK**

# Objektif Penubuhan

- Menggalakkan pelatih meningkatkan kemahiran advokasi diri.



Mesyuarat Kumpulan Delima.

- Memberikan OKU peluang menjadi pemimpin.
- Pelatih boleh belajar menjadi ketua dalam kumpulan advokasi diri.



Mesyuarat Kumpulan Advokasi Diri Delima

- Memberikan OKU peluang menyuarakan diri dalam kumpulan.
- Pelatih lebih mudah menyuarakan diri di antara satu sama lain daripada dengan petugas.



Mesyuarat Kumpulan  
Advokasi Diri PDK Kg  
Guchil

- Memberikan OKU peluang merancang dan menguruskan aktiviti-aktiviti kumpulan.



Kumpulan advokasi Seri Chepa pergi bermain bowling.

- Menggalakkan sokongan rakan sebaya antara pelatih PDK



Pelatih PDK Bandar Tanah Merah

Soalan :

Bolehkah OKU yang tidak boleh bercakap menjadi ahli kumpulan

Jawapan :

Boleh.

Walaupun dia tidak boleh cakap, dia juga mempunyai fikiran dan pendapat diri dan ada HAK mengeluarkan pendapat.

Beliau boleh menggunakan cara tersendiri untuk memberi pendapat

Kehadiran beliau juga tanda penyertaan

# **Proses Penubuhan Kumpulan Advokasi Diri**

# Proses penubuhan

- Menerangkan kepentingan dan tujuan Kumpulan Advokasi Diri kepada AJK PDK supaya mereka setuju menjadi penaja Kumpulan Advokasi Diri.



- Menerangkan kepentingan dan tujuan Kumpulan Advokasi Diri kepada pelatih supaya mereka memahami akan keperluan dan minat untuk melibatkan diri dalam menubuhkan kumpulan.



PDK Kg. Chepa melawat ke UV

## ■ Pembentukan AJK Kumpulan Advokasi Diri



AJK Kumpulan Permata Hati

- Melatih AJK Kumpulan Advokasi Diri untuk merancang program kumpulan



Masa mesyuarat Kumpulan Delima-PDK Bdr Tanah Merah

- Mulakan aktiviti kumpulan advokasi diri seperti membuat buletin dan mengedarkan buletin kepada komuniti.



# **Pelantikan AJK**

- AJK adalah terdiri dari pelatih bermasalah pembelajaran sahaja.
- Perlantikan AJK dijalankan melalui pengundian.



Masa pengundian Kumpulan Advokasi Diri PDK Peringat

Soalan :

Bolehkah OKU kategori lain menyertai kumpulan?

Jawapan :

Tidak boleh sertai kumpulan sebagai ahli kumpulan

**Tetapi boleh menjadi sebagai penyokong**

- AJK akan dilantik oleh pelatih-pelatih OKU bermasalah pembelajaran PDK.



Pengundian Pelatih-pelatih PDK  
Peringat Kumpulan Nur Kasih

# Jawatan AJK

- Jawatan AJK termasuk:
  - Pengerusi
  - Naib Pengerusi
  - Bendahari
  - Setiausaha dan
  - 4 orang ahli AJK

# Tugas Pengerusi

- Membuat senarai topik yang akan dibincangkan dalam mesyuarat AJK yang dinamakan AGENDA MESYUARAT.
- Membuka dan memulakan majlis dan mesyuarat.
- Memperkenalkan pelawat kepada ahli-ahli kumpulan.
- Memastikan kesemua ahli dapat menyuarakan diri.



Soalan :

Bagaimana perjalanan mesyuarat ?

Jawapan :

Contoh ① United Voice / Mutiara Voice Club (NGO)

1. Disediakan agenda mesyuarat sebelum buat mesyuarat

### **Isi kandungan agenda**

- A) Mengesahkan perkara yang dilakukan pada mesyuarat yang lepas
- B) Perkara yang berbangkit cth: projek baru
- C) Risalah cth: perkembangan risalah dan buletin
- D) Laporan daripada Setiausaha
- E) Laporan daripada Bendahari
- F) Hal-hal lain cth: kini keadaan ahli-ahli

# AGENDA MESYUARAT KE 9

TARIKH/HARI 5/08/2020

## PERKARA :

1. MENONTON. WAYANG
2. MELAPORKAN. MESYUARAT AJK PDK, PRODUK PENYAPU LADI SUMBANGAN. UNTUK MENONTON WAYANG.
3. MELAPORKAN. BENDAHARI  
TAK JADI 05/08/2020 SEBAB TAK CUKUP DUIT

PENDAPAT : MENONTON WAYANG. SELEPAS RAYA  
TUJUH. BELAS HARI SEMBELAN  
DUA. EMPAT HARI. SEMBILAN.  
BINGANG MASA PADA. MESYUARAT AKAN. DATANG.



/	/	/	/	/
/	/	/	/	/

## PILIH SATU !!



KEPUTUSAN : 2. NAIB. Pengerusi BERSETUJU Mencari DALAM  
KELAPA UNTUK MEMBUAT PENYAPU LADI  
DAPAT SUMBANGKAN RM 1000 DARI Pengerusi PDK



3. Pengerusi DAN BENDAHARI DITUGASKAN MENGUTEP  
DUIT SETIAP SEMINGGU. PADA HARI ISNIN  
INGATKAN. AHLI KUMPULAN RABANI SUDNYA MEMBUA DUIT YERAN 100  
PERIDA ISNIN

CADANGAN : PADA HARI AHAD PERKENALKAN. KUMPULAN RABANI  
KEPADA IBU BAPA. EDARKAN BULETIN  
PRODUK KUMPULAN RABANI — BEG SERBA GUNA BEG JALINAN

Contoh Agenda Mesyuarat

2. Pengerusi menjadi pengerusi mesyuarat dan menjalankan mesyuarat tersebut mengikut agenda yang disediakan

Peraturan pengerusi :

- Bertanyakan soalan semasa membincangkan tajuk yang berasingan kepada setiap ahli
- Bertanya kepada ahli yang kurang keluarkan pendapat diri 'Apakah pendapat awak?'
- Memastikan semua perkara yang diputuskan adakah disetujui atau tidak oleh semua AJK

## Contoh ② Rabbani (PDK)

1. Sebelum mesyuarat pengerusi , setiausaha dan bendahari mengesahkan perkara yang dilakukan pada mesyuarat yang lepas dan agenda yang akan bincang
2. Pengerusi menjadi pengerusi mesyuarat dan menjalankan mesyuarat tersebut mengikut agenda yang disediakan
3. Setiausaha menuliskan perkara-perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat secara ringkas.

Soalan :

Bagaimana membuat keputusan kalau ada banyak pendapat daripada ahli ?

Jawapan :

1. Membuat keputusan secara berbincang dengan ahli-ahli
2. Membuat keputusan secara undi majoriti

Soalan:

Bagaimanakah ahli yang kurang faham tentang perkara pengundian boleh mengundi?

Jawapan :

1. Bertanya kepada setiap ahli
2. Menunjukkan sesuatu yang mudah faham  
cth : memilih pangkah  di tepi gambar  
dan nama calon yang dipilih.  
Menggunakan lukisan

# Tugas pengerusi

- Membantu kumpulan membuat keputusan dan membuat undian di antara ahli AJK jika terdapat kesukaran bersatu padu.
- Memastikan setiap ahli mematuhi peraturan kumpulan yang dibuat.

Soalan :

Boleh atau tidak seorang perempuan menjadi pengerusi ?

Jawapan:

Perempuan juga boleh menjadi pengerusi.

Tidak kisah jantina

Soalan :

Boleh atau tidak menjadi seorang pengerusi jika tidak pandai membaca dan menulis ?

Jawapan :

Boleh.

Yang penting harus tahu memimpin.

Ahli-ahli kumpulan atau penyokong boleh menolong pengerusi membaca dan menulis.

# Tugas Naib Pengerusi

- Mempelajari tugas-tugas pengerusi.
- Menggantikan dan menjalankan kerja-kerja pengerusi jika pengerusi tidak hadir mesyuarat.
- Berkongsi dan membantu pengerusi dalam menjalankan tugas.

# Tugas Bendahari

- Mengumpul kewangan kumpulan. Contohnya yuran keahlian dan wang derma.
- Pembayaran bil kumpulan.
- Menyimpan wang dan mengeluarkan wang kumpulan dalam bank.

- Menyimpan kira-kira dan akaun kumpulan justeru semua rekod bertulis kewangan dan perbelanjaan kumpulan.



Mengira yuran kumpulan PDK Kawasan Guchil, Kumpulan Matahari

Soalan :

Cara membayar yuran

Bolehkah potong elaun pelatih PDK untuk kumpul yuran ?

Jawapan :

Ahli-ahli harus digalakkan membayar yuran sendiri sebagai cara mengajar mereka tentang tanggungjawab ahli dan tentang pembayaran yuran.

# Tugas Setiausaha

- Mencatat apa perkara yang dibincangkan dan mencatat keputusan yang dibuat dalam mesyuarat.
- Membaca minit mesyuarat yang lepas pada awal mesyuarat.
- Menulis dan membalas surat untuk kumpulan.
- Menyimpan rekod nama ahli kumpulan, alamat dan nombor telefon.
- Menjaga dan menfail apa sahaja kertas kerja kumpulan. Contohnya salinan minit mesyuarat, surat-surat dan kertas-kertas penting.

- Setiausaha Kumpulan Nur Kasih mencatat minit mesyuarat.



# Peranan AJK

■ Meminta kerjasama AJK PDK untuk menjadi Penaja Kumpulan Advokasi diri



- Meminta kebenaran AJK PDK untuk membenarkan seorang Pertugas PDK untuk menjadi Penyokong Kumpulan AD



Penyokong memberi bantuan semasa mesyuarat

## ■ Senaraikan Peraturan-peraturan Kumpulan Advokasi Diri. Contoh:

1. Keahlian dibuka kepada semua pelatih OKU bermasalah pembelajaran PDK berumur 16 ke atas.
2. AJK Kumpulan AD akan dilantik melalui pengundian oleh ahli-ahli sahaja
3. AJK Kumpulan AD termasuk
  - Pengerusi
  - Naib Pengerusi
  - Setiausaha
  - Bendahari
  - 4 Ahli AJK
4. Setiap ahli akan membayar yuran sebanyak RM5.00 setahun.

5. Ahli akan membayar kos aktiviti kumpulan jika diperlukan.
6. Kumpulan AD akan bermesyuarat dan bertemu untuk aktiviti kumpulan sekali setiap minggu
7. AJK Kumpulan AD bermesyuarat sekali sebulan
8. Penyokong Kumpulan AD harus dilantik oleh AJK PDK selepas perbincangan dengan AJK Kumpulan AD
9. Peranan Penyokong Kumpulan AD adalah sebagai **pembantu** AJK Kumpulan AD untuk menguruskan dan menjalankan aktiviti-aktiviti Kumpulan.
10. Jika diperlukan, AJK Kumpulan AD boleh meminta nasihat dari seorang AJK PDK yang dilantik oleh AJK PDK sebagai penasihat AJK Kumpulan AD.

- Merancang dan menjalankan aktiviti Kumpulan Advokasi Diri dengan bantuan Penyokong




Kumpulan  
Permata  
Hati

# Peranan Penaja

- Memberikan sokongan dan dorongan supaya pelatih bersemangat untuk terlibat dalam Kumpulan AD



- Membenarkan seorang petugas menjadi Penyokong Kumpulan AD



- Memberikan dana asas yang diperlukan untuk aktiviti-aktiviti permulaan



- Membenarkan Kumpulan AD menggunakan premis PDK untuk menjalankan aktiviti.



- Memberikan sokongan dan dorongan untuk kemajuan Kumpulan AD



# **Aktiviti-aktiviti kumpulan**

Soalan:

Apakah aktiviti yang dilakukan dalam kumpulan ?

Jawapan :

Mesyuarat secara berkala

Membuat aktiviti

Membuat produk untuk dijual dan menjadi  
duit tabung kumpulan

Menjalin perhubungan dengan kumpulan lain

# Contoh aktiviti kumpulan:

- Kumpulan mengadakan projek pengumpulan dana untuk tabung kumpulan



Menjual barang terpakai

- Kumpulan mengunjungi tempat lawatan yang dipilih melalui pengundian kumpulan



Lawatan ke Sunway Lagoon

- Aktiviti untuk belajar berkomunikasi dan bercakap tentang topik-topik tertentu.



- Perbincangan tentang tanggungjawab, pekerjaan dan isu-isu berdikari



- Tujuan aktiviti Kumpulan Advokasi Diri seharusnya fokus pada pembinaan kemahiran Advokasi Diri.
- Aktiviti-aktiviti yang memberi ahli-ahli Kumpulan Advokasi Diri peluang untuk melibatkan diri, harus digalakkan.

# Contoh Kumpulan Nur Kasih bermalam di PDK



# Jualan penyapu lidi di kumpulan Seri Chepa



# Kumpulan Permata Hati hantar kad kepada MVC



...ntun  
...a air dalam kendi  
...nawar dari Seberang.  
...dup berbudi;  
... tidak dihina orang  
...  
...Cempeka kembang tak jadi,  
...kawasan indah tak terperi,  
...Suka amanah budi,  
...sencua ikhlas memberi.

Bunga mawar bunga me lali,  
Bunga teratai jadi hiasan,  
Berbudi biar sekalas hati,  
Usah dihapap akan balasan.

* A-SUBBI	* SITI FAIMAH
* M. FASOUZ	* JALAN
* HJMI	* PAK SU
* NOOR AZLI	* ALIF
* HAZI HANISAH	* HAN SAFINAH
* HASTIN	
* HANA IZGI	



# Kump. Permata Hati menerima kad daripada MVC

TAHNIAH ATAS PENUBUHAN  
KELAB ADVOKASI PDI  
"PERMATA HATI"  
PDK KAMPUNG GUAL IPOH KELANTAN.

Best wishes  
for a future  
...les!



KELAB ADVOKASI PDI PERMATA HATI,  
PDK KAMPUNG GUAL IPOH,  
Kg Gual Ipoh, Tanah Merah  
17500 Kelantan

# MVC menerima kad daripada Kumpulan Permata Hati



# MESYUARA T



## KUMPULAN ADVOKASI DIRI

Orang Bermasalah Pembelajaran

Semua orang bermesyuarat:



Untuk berkongsi pendapat



Untuk membuat keputusan apa yang  
perlu dilakukan

Beginilah kami bermesyuarat

Kami datang mesyuarat tepat pada waktu yang ditetapkan.



Ini adalah masa yang sesuai untuk saya hadir mesyuarat.



(3)

Kami menanyakan kepada sesiapa  
untuk menjadi pengerusi bagi  
mesyuarat ini.



Pengerusi akan memastikan semua ahli  
boleh bersuara dan bermesyuarat  
membuat keputusan.

Kami menanyakan seseorang untuk  
mencatit minit

Siapa yang akan  
mencatit minit?

Saya boleh...tapi  
jangan terlalu laju.



Minit adalah nota terhadap keputusan  
mesyuarat yang lepas

Pengerusi akan memulakan mesyuarat.

Baiklah, mari kita  
mulakan mesyuarat!



Pengerusi menghargai kehadiran  
semua ahli.

Saya gembira kerana kamu dapat hadir.  
Adakah kamu semua berasa selesa?



Pengerusi menanyakan jika ada kesukaran atau kemaafan dari mereka yang tidak dapat hadir.

Siapa yang tidak dapat hadir?  
Kenapa David tidak dapat hadir?



Kami bermula dengan membincangkan perkara yang telah dilakukan pada mesyuarat yang lepas.

Adakah kita sudah lakukan apa yang kita putuskan?



Seterusnya, kami akan berbincang dan membuat keputusan untuk agenda mesyuarat hari ini.

Apa yang akan kita lakukan untuk rancangan pergi membeli belah?



Kami memeriksa agenda kami. Ini adalah senarai perkara yang perlu dimesyuaratkan.

-----

Agenda Mesyuarat

1. Kehadiran
2. Dimaafkan
3. Memeriksa Agenda
4. Penerangan Mesyuarat yang lepas
5. Perkara berbangkit.

Pergi membeli belah

- a. Apa perlu dibuat
- b. Bila
- c. Dimana
- d. Siapa yang melakukan persiapan

(Rehat)

6. Bagaimana perjalanan mesyuarat
7. Rancangan mesyuarat seterusnya

Dalam agenda mesyuarat, kami  
berbincang satu perkara dalam satu  
masa. Ia mengikut turutan.



Pengerusi akan memastikan semua ahli  
berpeluang untuk bersuara.



Kami membuat keputusan melalui persetujuan ramai. Jika tiada persetujuan, undian akan dilakukan.

Angkat tangan bagi sesiapa yang mahu Bar-B-Que.



Seseorang yang mencatat menit akan mencatat keputusan yang dibuat.

Saya juga mencatat apa yang perlu dilakukan dan siapa yang akan melaksanakannya



## Minit kami seperti ini:

---

Tajuk: Mesyuarat Advokasi ke-16  
Tarikh: 27 November 2004  
Tempat: United Voice Clubhouse  
Masa: 2.00 petang  
Hadir: Johari, Christina, Daisy, Eugene, Deerick,  
Aida, Wendy.  
Dimaafkan: David, Esther

1. Minit mesyuarat sebelum ini.  
Semua berpendapat minit mesyuarat sebelum ini baik.  
Kami telah menjalankan kesemua yang telah dipersetujui melalui mesyuarat yang lepas.
2. Agenda mesyuarat
  - a. Apa yang perlu dilakukan untuk membeli belah.  
Kami bersetuju untuk bejalan sahaja dan makan tengahari bersama.  
(Tindakan: Memberitahu kepada ahli yang tidak hadir.  
Wendy hubungi Esther dan Deerick hubungi David)
  - b. Bila: 3 Disember 2004  
(9.30 am berkumpul di Perhentian LRT  
Taman Jaya)
  - c. Kemana: KLCC
  - d. Keperluan dibawa: Air, topi dan duit saku RM10
3. Bagaimana perjalanan mesyuarat  
Mesyuarat berjalan lancar, lebih baik jika semua hadir.  
Perbincangan yang baik terhadap pelbagai perkara dilakukan.
4. Mesyuarat seterusnya - 4 Januari 2005  
2.00pm di UV Clubhouse

Kami ada waktu rehat.

Siapa mahu biskut?

Ya, tolong.



Kami bercakap tentang bagaimana perjalanan mesyuarat apabila mesyuarat hampir selesai.

Apa pendapat semua terhadap perjalanan mesyuarat?

Ada apa-apa perkara yang boleh dilakukan untuk kebaikkn masa akan datang?



Sebelum mesyuarat berakhir, kami merancang untuk mesyuarat seterusnya.



Kami tidak membiarkan mesyuarat  
kami berlanjutan



Mesyuarat kami habis pada waktu yang  
ditetapkan

# Penubuhan Kumpulan Advokasi Diri Seri Chepa

- PDK Kg Chepa menghadiri kursus OKU berdikari: advokasi diri dan pekerjaan untuk OKU masalah pembelajaran



En Hadi dari PDK Kg Chepa



Kursus OKU Berdikari  
:Advokasi Diri dan  
Pekerjaan di Kelantan

<b>DITUBUHKAN</b>	<b>:-</b>	<b>4 MAY 2008</b>
<b>NAMA KUMPULAN</b>	<b>:-</b>	<b>SERI CHEPA</b>
<b>PENAJA</b>	<b>:-</b>	<b>PDK KG.CHEPA, Kota Bahru</b>
<b>PENGERUSI</b>	<b>:-</b>	<b>ABD.HADI BIN GHAZALI</b>
<b>SETIAUSAHA</b>	<b>:-</b>	<b>MOHAMAD BIN.IBRAHIM</b>
<b>BENDAHARI</b>	<b>:-</b>	<b>TUAN FAZLINDA.TUAN MAT</b>
<b>AJK</b>	<b>:-</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Wan Mohd Fadhil W.Hamat.</li> <li>2. Nurul Izzaifah bt Daud.</li> <li>3. Siti Nurhajar bt Abd.Lah</li> <li>4. Umami Rosma bt Mahmood</li> <li>5. M.Khairuddin b Othman.</li> <li>6. Ab.Hadi b Mamat</li> <li>7. Aimi Hanis Mohd Sharani.</li> </ol>

**PENYOKONG:-**

1. YOSHIE DAN ( JOCV )
2. AZUNI BINTI OTHMAN (Penyelia PDK)
3. TUAN FAZLINA B. TUAN MAT (Pertugas PDK)
4. NIK HASWANI NIK JID (Pertugas PDK)
5. KARMILA MOHD ZIN (Pertugas PDK)

# Penubuhan Kumpulan Advokasi Diri Seri Chepa

- Seri Chepa & Permata Hati menyertai Persidangan Advokasi Diri Ke-3, Penang, Feb 2009



**PDK Kg Chepa melawat  
United Voice 2009**

Sekian, Terima Kasih